


JENIS DAN CIRI IKLIM DI MALAYSIA






- Malaysia mengalami iklim Khatulistiwa yang panas dan lembap hampir sepanjang tahun.
- Malaysia mengalami iklim Khatulistiwa kerana terletak di antara garisan lintang 0° hingga 10°U dari Garisan Khatulistiwa.



CIRI IKLIM DI MALAYSIA



SUHU

- (a) Suhu tinggi dan hampir sekata sepanjang tahun.
- (b) Min suhu tahunan tinggi, iaitu 27°C.

HUJAN

- (a) Hujan sepanjang tahun.
- (b) Jumlah hujan tahunan kira-kira 2 600 mm.
- (c) Taburan hujan adalah tidak sekata.
- (h) Kebanyakan hujan turun dalam bentuk hujan perolakan.






ANGIN MONSUN TIMUR LAUT

- (a) Tiupan bermula dari awal bulan November hingga Mac.
- (b) Berasal dari pedalaman benua Asia.
- (c) Bertiup merentasi Laut China Selatan dan sampai ke Malaysia sebagai angin Monsun Timur Laut.
- (d) Angin ini sering mengakibatkan banjir besar di negeri-negeri pantai timur Semenanjung Malaysia seperti Pahang, Terengganu, Kelantan dan Johor Timur serta Sarawak di Malaysia Timur.

ANGIN MONSUN BARAT DAYA

- (a) Tiupan bermula dari pertengahan Mei hingga akhir September.
- (b) Berasal dari benua Australia.
- (c) Merentasi Lautan Hindi dan sampai ke Malaysia sebagai angin Monsun Barat Daya.
- (d) Membawa hujan yang sederhana lebat ke Malaysia kerana dihalang oleh tanah tinggi di Pulau Sumatera, Indonesia.






ANGIN SUMATERA

- (a) Tiupan bermula dari April hingga Mei dan September hingga Oktober.
- (b) Bertiup dengan kencang secara tiba-tiba pada waktu malam hingga subuh.
- (c) Membawa hujan lebat disertai kilat dan petir.
- (e) Membawa hujan lebat ke pantai barat Semenanjung Malaysia, terutamanya dari Pelabuhan Klang hingga ke Johor Bahru.






BAYU DARAT

- (a) Berlaku pada waktu malam di kawasan berhampiran pantai.
- (b) Udara bergerak dari daratan (tekanan tinggi) ke laut (tekanan rendah) sebagai bayu darat.
- (c) Berlaku disebabkan oleh perbezaan tekanan udara:
- Tekanan udara lebih tinggi di daratan.
 - Tekanan udara lebih rendah di permukaan laut.





BAYU LAUT

- (a) Berlaku pada waktu siang di kawasan berhampiran pantai.
- (b) Udara bergerak dari laut (tekanan udara tinggi) ke daratan (tekanan udara rendah) sebagai bayu laut.
- (c) Berlaku disebabkan oleh perbezaan tekanan udara:
- Tekanan udara lebih tinggi di permukaan laut.
 - Tekanan udara lebih rendah di daratan.